

Teringat ibu bapa di Makkah

Pelajar UMP turut serta menjayakan World #QuranHour Ahad lalu

SINAR HARIAN (SENTRAL)
18 SEPT 2016 m/s 37


■ NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN- Saat membaca Surah Al-Haj bersama rakan-rakannya, dia terbayang wajah ibu bapa yang mengerjakan ibadah haji di Makkah.

Ali Ahmad Zain, 27 dari Hadramaut, Yaman, berkata, ketika ini bapanya, Ahmad Zain Bahamid, 52, dan ibunya, Hakimah Muhammad Saeed, 40, antara berjuta-juta umat Islam yang berada di Makkah untuk menunaikan ibadah haji, rukun Islam kelima.

Menurutnya, membaca al-Quran sudah menjadi amalan hari-an sejak sekian lama.

"Saya gembira apabila mereka beritahu akan ke Makkah tahun ini. Ini kali kedua bapa



Ali (tiga, kiri) bersama rakan-rakan menjadikan al-Quran sebagai pegangan hidup.

menunaikan ibadah haji dan kali pertama bagi ibu.

"Bapa saya sungguh bernasib baik. Saya berharap me-

reka tidak lupa berdoa agar saya juga dijemput ke Makkah nanti," katanya kepada pemberita di sini.

Ali pelajar semester dua Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) an-

tara yang mengambil bahagian dalam World #QuranHour di UMP, yang dipimpin Pegawai Hal Ehwal Islam UMP, Md Abdu Sahak Ahad lalu.

Menurutnya, walaupun belum berpeluang menunaikan ibadah haji, tetapi dia mencari pahala dengan melakukan amalan baik dengan membaca al-Quran serta memperbanyakkan amalan daripada biasa dan akan menunaikan ibadah korban.

"Saya berharap akan dapat membaca al-Quran dengan sebanyak mungkin minggu ini. Saya tidak ada masalah untuk berbuat demikian kerana sudah menghafal kitab suci itu sejak 2010.

"Saya jadikan sebagai amalan rutin membaca al-Quran sekarang-kurangnya sejam setiap hari," katanya.